



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan
Perakaunan) 1980**

DR.4/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pengawalan dan pengurusan Kumpulanwang-kumpulanwang Bekalan Air Negeri-negeri dan bagi membuat peruntukan-peruntukan berhubung dengan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara mengenai pemungutan, penyimpanan dan pembayaran masuk wang ke dalam Kumpulanwang dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihakberkuasa Negeri, selepas berunding dengan Menteri, berhubung dengan Negeri tersebut melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa, pemakaian dan penganu-
suhan.

(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia Barat tetapi tidak dipakai bagi Negeri di mana suatu Pihakberkuasa Air telah ditubuhkan oleh undang-undang Negeri.

(3) Pada tarikh yang ditetapkan itu, undang-undang Negeri yang berkenaan berhubung dengan Kumpulanwang Bekalan Air yang ditubuhkan menurut perenggan (b) seksyen-kecil (4) seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 adalah dimansuhkan.

Akta 61.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Jabatan Air” ertinya suatu bahagian dalam Jabatan Kerja Raya bagi Negeri yang bertanggungjawab bagi bekalan air dan jika bersesuaian, suatu jabatan Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi bekalan air;

“Menteri” ertinya Menteri Kewangan;

“Pengarah” ertinya pegawai yang ditetapkan sebagai sedemikian bagi maksud Akta ini oleh Pihakberkuasa Negeri dan termasuklah seseorang pegawai yang menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan tugas-tugasnya menepati dengan arahan-arahannya;

“Pihakberkuasa Air” ertinya pihakberkuasa yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri bagi pentadbiran bekalan air dalam Negeri itu;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Pihakberkuasa Negeri menurut seksyen-kecil (1) seksyen 1.

Kumpulan-
wang
Bekalan
Air.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan oleh Negeri, jika Kumpulanwang seperti itu tiada ditubuhkan, suatu Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Bekalan Air, yang dalam Akta ini disebut “Kumpulanwang”.

(2) Kumpulanwang itu hendaklah dikawal dan dikendalikan oleh Pengarah mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini dan segala transaksi kewangan Jabatan Air hendaklah dibuat melalui Kumpulanwang itu.

4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 atau mana-mana undang-undang bertulis lain, maka hendaklah dibayar masuk dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulanwang—

Wang yang dikehendaki dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang.

- (a) apa-apa jumlahwang yang diuntukkan oleh Negeri bagi maksud bekalan air;
- (b) baki yang ada dalam Akaun Amanah Negeri yang berkenaan yang ditetapkan bagi maksud bekalan air;
- (c) apa-apa jumlahwang yang berupa hasil dari apa-apa jua pinjaman yang didapati oleh Negeri di bawah undang-undang Negeri yang berkenaan sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan itu bagi maksud bekalan air;
- (d) wang yang diperolehi dari pengendalian sesuatu projek, skim atau enterprais yang dibiayai dari Kumpulanwang;
- (e) segala sewa, hasil jualan, keuntungan dan pendapatan serta lain-lain hasil yang diterima oleh Negeri itu berkenaan dengan bekalan air secara langsung atau secara tak langsung dari aset yang dibayar dari Kumpulanwang;
- (f) segala wang atau harta lain yang dengan apa cara jua pun kena dibayar atau diletakhak kepada Negeri itu berkenaan dengan bekalan air sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan itu.

5. Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 atau mana-mana undang-undang bertulis lain, wang yang ada dalam kredit Kumpulanwang boleh digunakan oleh Pengarah bagi maksud-maksud yang berikut:

Penggunaan wang dalam Kumpulanwang.

- (a) membayar saraan kepada Pengarah dan lain-lain orang yang berkhidmat dalam Jabatan Air termasuk caruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja atau lain-lain skim yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri mengenai orang-orang itu;

(b) membayar barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang didapati bagi maksud perkhidmatan bekalan air dan perbelanjaan memperolehi harta alih dan harta tak alih yang berkenaan dengan atau bersampingan dengan penjalanan kerja dan perkhidmatan, berhubung dengan bekalan air, sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan itu;

(c) membayar kepada Akaun-akaun Disatukan Negeri yang berkenaan sebagai gantibayaran mengenai—

(i) bunga dan lain-lain bayaran dan pembayaran balik wang pokok atas pinjaman yang didapati oleh Negeri, sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan itu, bagi maksud bekalan air;

(ii) apa-apa wang yang dikehendaki untuk menunaikan apa-apa hukuman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana Mahkamah atau tribunal berhubung dengan pengendalian perkhidmatan bekalan air;

(d) membuat bayaran sebagai menjelaskan apa-apa tanggungan mengenai perkhidmatan bekalan air menurut Enakmen Bekalan Air Negeri;

(e) membayar royalti ke atas air yang belum dibersihkan dan ditapis yang diambil dari mana-mana punca atau punca-punca yang ditetapkan;

(f) membayar apa-apa perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujuterima dengan sepatutnya oleh Jabatan Air dalam mengendalikan atau menyenggarakan perkhidmatan bekalan air dalam Negeri menurut Enakmen Bekalan Air Negeri itu.

Kewangan.

6. (1) Pengarah hendaklah pada tiap-tiap tahun, tidak lewat daripada 31hb Ogos dalam tahun itu, mengemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri suatu penvata anggaran pendapatan dan perbelanjaan pengendalian Jabatan Air mengenai tahun kewangan berikutnya,

jumlah wang tunai yang dikehendaki untuk mengendalikannya, dan perbelanjaan pembangunan yang hendak dilakukan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan tersebut sepanjang tahun itu dan sumber-sumber dari mana wang yang hendak dibelanjakan itu dicadangkan hendak didapati.

(2) Pengarah hendaklah juga mengemukakan butir-butir lengkap mengenai rancangan pembangunan yang ia bercadangkan hendak jalankan dalam tahun kewangan yang berikutnya dan lain-lain perkara berhubung dengan perkhidmatan bekalan air sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihakberkuasa Negeri.

7. Dalam hal mentadbirkan Akta ini dan Enakmen Bekalan Air Negeri berhubung dengan perkhidmatan bekalan air, Pengarah hendaklah mengikuti suatu dasar yang bertujuan mencapai, mengenai tiap-tiap tahun kewangan, apa jua hasil di segi kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Pihakberkuasa Negeri selepas berunding dengan Pegawai Kewangan Negeri.

Dasar kewangan mengenai perkhidmatan bekalan air.

8. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 dan mana-mana peraturan yang dibuat dan perintah-perintah yang dikeluarkan di bawahnya, segala buku dan akaun Jabatan Air hendaklah disenggarakan mengikut prinsip dan amalan perakaunan perniagaan yang diakui umum.

Akaun-akaun perniagaan.

(2) Segala aset dan tanggungan Jabatan Air hendaklah mulai dari tarikh yang ditetapkan itu dimasukkan dalam akaun-akaun yang disebutkan dalam seksyen-kecil (1) dan nilai bersih aset dan tanggungan itu hendaklah dianggap sebagai modal Kerajaan Negeri yang dilaburkan dalam Jabatan Air pada tarikh itu.

(3) Pengarah dengan persetujuan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah mengeluarkan arahan-arahan dan perintah-perintah tentang caranya segala buku dan akaun itu hendak disenggara dan bentuk penyata akaun yang hendak dikemukakan untuk diaudit.

- Lebihan.** 9. Maka hendaklah dibayar-masuk daripada Kumpulanwang ke dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri apa-apa jumlahwang yang ditentukan oleh Menteri Besar setelah berunding dengan Pegawai Kewangan Negeri sebagai berlebihan dengan kehendak-kehendak Kumpulanwang dalam mana-mana tahun kewangan.
- Akaun dan audit.** 10. (1) Akaun-akaun perniagaan Jabatan Air hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara dan peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957 hendaklah dipakai.
- Akta 62.** (2) Pengarah hendaklah, tidak lewat daripada 31hb Mac dalam tahun yang berikutnya, atau suatu tarikh terkemudian yang tidak lewat daripada 31hb Julai dalam tahun itu, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Besar, menghantar kepada Ketua Audit Negara penyata-penyata kewangan tentang akaun-akaun perniagaan yang disebutkan dalam seksyen-kecil (1) yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira, penyata untung-rugi dan apa-apa penyata menyokong yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri Besar.
- (3) Penyata-penyata yang telah diaudit bersama dengan pemerhatian Ketua Audit Negara mengenai-nya hendaklah dikemukakan kepada Menteri Besar yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.
- Kecualian.** 11. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, peruntukan-peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan mana-mana peraturan yang dibuat dan perintah yang dikeluarkan di bawahnya hendaklah dipakai bagi Pengarah dan lain-lain orang yang berkhidmat dalam Jabatan Air.
- Kuasa membuat kaedah-kaedah.** 12. Menteri Besar boleh dengan persetujuan Menteri membuat apa-apa kaedah yang diperlukan bagi maksud-maksud Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pengawalan dan pengurusan Kumpulanwang Bekalan Air bagi Negeri-negeri dan membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuklah tatacara mengenai pemungutan, penyimpanan dan pembayaran-masuk wang ke dalam Kumpulanwang dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

2. *Fasal 1* Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan mengenai penguatkuasaan Akta ini dalam sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihakberkuasa Negeri melalui pemberitahu dalam *Warta* dan peruntukan ini tidak termasuk sesuatu Negeri yang telah menubuhkan suatu Pihakberkuasa Air menurut Undang-undang Negeri daripada pemakaian Akta ini. Fasal ini juga mengadakan peruntukan bahawa Akta ini hanya dipakai di Malaysia Barat sahaja dan bahawa pada tarikh yang ditetapkan yang berkaitan itu Enakmen Kumpulanwang Bekalan Air Negeri yang sedia ada adalah dimansuhkan dalam Negeri tersebut.

3. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan, antara lain, mengenai penubuhan Kumpulanwang Bekalan Air oleh sesuatu Negeri jika Kumpulanwang seperti itu belum lagi ditubuhkan. Fasal ini juga mengadakan peruntukan supaya seorang Pengarah, sebagaimana ditetapkan oleh Pihakberkuasa Negeri bagi maksud itu, mengawal dan mengendalikan Kumpulanwang itu. Segala transaksi kewangan Jabatan Air sesuatu Negeri hendaklah seterusnya dibuat melalui Kumpulanwang.

4. *Fasal 4* menetapkan jenis-jenis wang yang dibayar-masuk ke dalam Kumpulanwang dari semasa ke semasa dan *fasal 5* mengadakan peruntukan mengenai penggunaan wang yang ada dalam kredit Kumpulanwang. Anggaran pendapatan dan perbelanjaan Jabatan Air yang dikemukakan kepada Pihakberkuasa Negeri berkenaan dengan bekalan air bagi mana-mana tahun kewangan ada diterangkan dalam *fasal 6*. *Fasal 7* mengadakan peruntukan mengenai dasar-kewangan yang harus diikuti oleh Pengarah dalam mengendalikan Kumpulanwang.

5. *Fasal 8* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai penyenggaraan buku-buku dan akaun-akaun Kumpulanwang mengikut prinsip dan amalan akaun perniagaan yang diakui umum dan *fasal 9* menyatakan bahawa lebihan dalam Kumpulanwang hendaklah dibayar-masuk ke dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri. Peruntukan-peruntukan perakaunan dan pengauditan adalah dinyatakan dalam *fasal 10* dan melalui *fasal 11* peruntukan ada juga dibuat supaya Pengarah dan lain-lain orang yang berkhidmat dalam Jabatan Air dikawali oleh peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Menteri Besar diberikuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang difikirkan perlu bagi maksud-maksud Akta ini menurut *fasal 12*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 955.]